

Kerajaan bantu bina semula sekolah

Pastikan pelajar selamat: PM

PM, 24 SEP 1989

Oleh MAHFAR Ali

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan semua institusi **pengajian** tinggi dan sekolah, terutama sekolah swasta, di **negara ini** menyusun semula sistem pengurusan **bangunan** sekolah serta asrama **bagi** menjamin **keselamatan pelajar**.

Datuk **Seri Dr Mahathir** menegaskan, **pada** masa ini pentadbiran asrama di kebanyakan sekolah swasta tidak tersusun, malah di universiti pun pernah berlaku kebakaran.

"Pihak sekolah perlu mematuhi nasihat **bomba**, terutama dalam **soal** keselamatan dan plan bangunan," katanya **kepada** pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat mengenai tragedi kebakaran di Sekolah Menengah Agama **Rakyat Taufiqiah al-Halimiah**, Kampung Padang Lumat, Yan, **semalam**.

Menteri Pendidikan, Encik **Anwar Ibrahim** dan Menteri **Penyerangan**, Datuk Mohamad **Rahamat**, turut hadir.

● UHAT JUGA MUKA 2 DAN 8

Dalam kebakaran awal pagi kelmarin, **27** pelajar **perempuan** berumur 13 hingga 16 tahun terkorban manakala **enam** yang lain **cedera**. Pihak berkenaan menganggarkan **kerugian harta-benda** hampir \$1.5 **juta**.

Sehubungan itu, **Perdana Menteri** mengucapkan takziah **kepada** keluarga mangsa kebakaran itu.

Menurutnya, Kerajaan **Pusat** akan menimbang **mengeluarkan** bantuan **bagi** membolehkan sekolah itu membina semula bangunan yang musnah serta meringankan **beban** keluarga mangsa terbabit.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Encik **Anwar Ibrahim**, berkata **Perdana Menteri** sudah **mengarahkannya** meneliti kos membina semula bangunan berkenaan **bagi** memudahkan **bantuan** disalurkan.

Encik **Anwar** berkata beliau akan meneliti perkara itu **secepat mungkin** **bagi** memastikan pelajar sekolah itu dapat **belajar** dengan selesa dan sempurna.

Menjawab **soalan**, beliau berkata kementerian sukar hendak mewajibkan semua sekolah swasta **menyediakan** peralatan mencegah kebakaran kerana **ia** membabitkan perbelanjaan **besar**.

"**Bukan** semua sekolah swasta mampu menyediakan **peralatan** yang **moden** dan baik," katanya.